

Head Office:  
Wisma MCIS, Jalan Barat,  
46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

Postal Office:  
P.O. Box 345, Jalan Sultan,  
46916 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

T +603 7652 3388  
F +603 7957 1562  
E customerservice@mcis.my  
W www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MyEarly CriticalAid Rider 2 (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	MyEarly CriticalAid Rider 2 (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser)
	XXXX

### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

- MyEarly CriticalAid Rider 2 (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser) merupakan rider penolakan unit untuk penyakit kritis yang boleh dilampirkan bersama dengan produk asas berkaitan pelaburan dengan premium tetap yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad (MCIS Life). Rider ini menyediakan perlindungan komprehensif untuk penyakit kritis pada tahap awal, pertengahan dan kritis dengan jumlah perlindungan yang berlainan daripada pelan asas yang mendasari perlindungan ini. Ia melindungi keseluruhan 108 jenis penyakit kritis di bawah Manfaat Penyakit Kritis Bertahap dan berbilang tuntutan adalah dibenarkan selagi Jumlah Rider Diinsuranskan belum habis dituntut.
- Ia juga menyediakan perlindungan tambahan untuk Angioplasti & Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari dan Komplikasi Kencing Manis. Anda juga boleh memilih Manfaat Pemulihan Kanser yang menyediakan perlindungan tambahan untuk kanser pada tahap awal, pertengahan dan akhir.
- Perlindungan ini berakhir selepas tamat tempoh polisi asas atau apabila Hayat Diinsuranskan mencapai umur 85 tahun pada hari jadi berikutnya pada ulang tahun polisi, yang mana satu berlaku dahulu.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Rider Diinsuranskan = RM 500,000

Tempoh Rider = 10 tahun

Rider ini menyediakan perlindungan berikut:

Manfaat	Penerangan Manfaat								
Manfaat Penyakit Kritis Bertahap	<p>Selepas diagnosis penyakit kritis tahap awal, pertengahan atau kritis sebelum umur 85 pada hari jadi berikutnya atau sebelum tamat tempoh polisi asas, yang mana berlaku dahulu, satu amaun bersamaan dengan peratusan Jumlah Rider Diinsuranskan seperti ditunjukkan pada jadual di bawah akan dibayar:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahap Penyakit Kritis (CI)</th> <th>Peratusan Jumlah Rider Diinsuranskan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Awal</td> <td>30%</td> </tr> <tr> <td>Pertengahan</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>Akhir</td> <td>100%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Setiap tuntutan yang dibayar di bawah manfaat ini akan mempercepat penggunaan Jumlah Rider Diinsuranskan dengan amaun tuntutan sebenar sehingga 100% Jumlah Rider Diinsuranskan telah digunakan, selepas itu rider tersebut akan tamat.</p> <p><b>Syarat-syarat:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Selepas tuntutan dibuat, tuntutan berikutnya untuk penyakit dilindungi dengan tahap yang sama atau tahap lebih awal dalam kategori CI yang sama tidak akan dibayar.</li> <li>Jika tuntutan berikutnya melibatkan tahap lebih tinggi dalam kategori CI yang sama, manfaat yang boleh dibayar adalah:       <ol style="list-style-type: none"> <li>amaun yang berkaitan berdasarkan jadual di atas ditolak amaun tuntutan terdahulu yang dibuat dalam kategori CI yang sama; atau</li> <li>Jumlah Rider Diinsuranskan yang dikurangkan;</li> </ol> </li> <li>Jika tuntutan berikutnya adalah daripada kategori CI yang berlainan, manfaat yang perlu dibayar adalah amaun yang berkaitan berdasarkan jadual di atas atau Jumlah Rider Diinsuranskan yang dikurangkan, yang mana satu lebih rendah.</li> <li>Sekiranya dua atau lebih penyakit yang dilindungi di bawah manfaat ini berpunca daripada sebab yang sama atau peristiwa yang sama pada masa yang sama, hanya tuntutan dengan amaun manfaat tertinggi (jika amaun manfaatnya berbeza) atau hanya satu tuntutan (jika amaun manfaat adalah sama) akan dibayar.</li> </ol> <p>Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat yang lengkap.</p>	Tahap Penyakit Kritis (CI)	Peratusan Jumlah Rider Diinsuranskan	Awal	30%	Pertengahan	60%	Akhir	100%
Tahap Penyakit Kritis (CI)	Peratusan Jumlah Rider Diinsuranskan								
Awal	30%								
Pertengahan	60%								
Akhir	100%								

Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	Tambahan 10% daripada Jumlah Rider Diinsuranskan, sehingga maksimum RM 25,000 akan dibayar sekali gus selepas diagnosis untuk menjalani apa-apa prosedur pembetulan berkaitan dengan Penyakit Arteri Koronari. Manfaat ini akan tamat selepas tuntutan pertama di bawah manfaat ini atau penamatian rider ini, yang mana berlaku dahulu.								
Manfaat Komplikasi Kencing Manis	Tambahan 10% daripada Jumlah Rider Diinsuranskan, sehingga maksimum RM 25,000 akan dibayar sekali gus selepas diagnosis untuk menjalani apa-apa prosedur berkaitan komplikasi kencing manis. Manfaat ini akan tamat selepas tuntutan pertama di bawah manfaat ini atau penamatian rider ini, yang mana berlaku dahulu.  <i>Nota: Hayat Diinsuranskan yang mempunyai sejarah kencing manis yang diketahui sebelum tarikh permulaan atau dalam tempoh tamat rider ini tidak layak untuk menikmati Manfaat Komplikasi Kencing Manis ini.</i>								
Manfaat Pemulihan Kanser  <i>Nota: Manfaat ini merupakan manfaat pilihan yang hanya boleh dipilih pada permulaan rider.</i>	Manfaat ini menyediakan jumlah perlindungan tambahan untuk kanser ("Jumlah Diinsuranskan untuk Kanser") yang bersamaan dengan 100% Jumlah Rider Diinsuranskan. Amaun manfaat yang boleh dibayar dikira sebagai peratusan Jumlah Diinsuranskan untuk Kanser berdasarkan tahap kanser seperti berikut:  <table border="1"><thead><tr><th>Tahap Kanser</th><th>Peratusan Jumlah Diinsuranskan untuk Kanser</th></tr></thead><tbody><tr><td>Awal</td><td>30%</td></tr><tr><td>Pertengahan</td><td>60%</td></tr><tr><td>Akhir</td><td>100%</td></tr></tbody></table> <b>Syarat-syarat:</b> <ol style="list-style-type: none"><li>Tahap kanser mestilah lebih tinggi daripada tuntutan terdahulu (jika ada), jika tidak, tuntutan tidak akan dibayar.</li><li>Amaun manfaat yang boleh dibayar akan dikurangkan dengan jumlah tuntutan sebelumnya di bawah manfaat ini (jika ada).</li><li>Manfaat pilihan ini akan tamat apabila 100% daripada Jumlah Diinsuranskan untuk Kanser telah digunakan atau selepas penamatian rider ini, yang mana berlaku dahulu.</li><li>Sekiranya dua atau lebih penyakit yang dilindungi di bawah manfaat ini berpuncak daripada sebab yang sama atau peristiwa yang sama pada masa yang sama, hanya tuntutan dengan amaun manfaat tertinggi (jika amaun manfaatnya berbeza) atau hanya satu tuntutan (jika amaun manfaat adalah sama) akan dibayar.</li></ol> <i>Nota: Senarai di atas tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat yang lebih terperinci.</i>	Tahap Kanser	Peratusan Jumlah Diinsuranskan untuk Kanser	Awal	30%	Pertengahan	60%	Akhir	100%
Tahap Kanser	Peratusan Jumlah Diinsuranskan untuk Kanser								
Awal	30%								
Pertengahan	60%								
Akhir	100%								

*Nota: Sila rujuk Lampiran MyEarly CriticalAid Rider 2 (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser) untuk senarai penuh Kejadian Penyakit Kritis yang dilindungi di bawah setiap manfaat yang dinyatakan di atas.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. Berapakah caj insurans yang perlu saya bayar?

- Caj insurans berbeza bergantung pada perlindungan yang dipilih, umur tercapai, jantina dsb. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran sebenar.  
➤ Tempoh caj insurans adalah selama 10 tahun.
- Caj insurans yang diterangkan dalam Ilustrasi Produk adalah diguna pakai untuk risiko standard. Tempoh dan kadar rider mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderitaan.
- Caj insurans akan ditentukan berdasarkan umur pada hari jadi anda yang berikutnya pada ulang tahun polisi.
- Caj insurans rider adalah tidak setara dan tidak dijamin. Syarikat berhak untuk mengubah caj insurans dengan memberi notis bertulis 30 hari terlebih dahulu. Pengalaman tuntutan, kos rawatan perubatan dan inflasi perubatan adalah antara faktor yang mungkin mengakibatkan pelarasaran caj insurans. Perubahan caj insurans hanya akan dibuat pada ulang tahun polisi. Sila ambil perhatian bahawa aliran perubahan caj insurans masa lalu tidak semestinya menggambarkan aliran masa hadapan.

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj insurans ditolak setiap bulan daripada nilai akaun anda untuk perlindungan yang disediakan. Caj insurans akan meningkat seiring dengan peningkatan umur anda. Butiran caj insurans bagi rider ini disediakan dalam Ilustrasi Produk.

**5. Apakah antara terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?**

- a) Kepentingan pendedahan – anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan menyatakan umur anda dengan tepat.
- b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan rider anda dengan memulangkan kontrak tambahan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak tambahan tersebut. Caj insurans yang telah ditolak (selepas ditolak apa-apa yuran perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- c) Polisi Luput – Rider akan tamat apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar insurans dan caj-caj lain.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah rider ini.*

**6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?**

Manfaat ini tidak boleh dibayar sekiranya berlaku perkara berikut:

- (i) Apa-apa penyakit atau pembedahan selain diagnosis atau pembedahan untuk Kejadian Penyakit Kritikal sebagaimana ditakrifkan dalam Lampiran Ilustrasi Produk ini.
- (ii) Penyakit Sedia Ada.
- (iii) Gejala atau simptom Kejadian Penyakit Kritikal yang ditakrifkan di bawah tahap kritis dikesan sebelum atau:
  - a. dalam tempoh enam puluh (60) hari untuk Kanser — Dengan Keterukan Tertentu Dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Terlalu Awal, Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung — Dengan Keterukan Tertentu dan Penyakit Arteri Koronari Serius, atau
  - b. dalam tempoh tiga puluh (30) hari untuk semua penyakit lain yang dilindungi seperti ditakrifkan di bawah tahap kritis,dari Tarikh Keluaran Rider atau tarikh pengembalian semula Rider ini, yang mana satu berlaku kemudian.
- (iv) Gejala atau simptom Kejadian Penyakit Kritikal yang ditakrifkan di bawah tahap awal dan pertengahan, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, dan Komplikasi Kencing Manis dikesan sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Keluaran Rider atau tarikh pengembalian semula Rider ini, yang mana satu berlaku kemudian;
- (v) Kejadian Penyakit Kritikal, yang menurut pendapat kami, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kewujudan apa-apa jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mempunyai hak untuk meminta Hayat Diinsuranskan menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terdahulu sebelum menerima apa-apa tuntutan. Pengecualian adalah untuk Kejadian Penyakit Kritikal di bawah AIDS atau HIV, seperti yang ditakrifkan dalam kontrak polisi. Untuk tujuan rider ini,
  - a. takrifan AIDS hendaklah seperti yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987, atau mana-mana semakan berikutnya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi takrifan tersebut.
  - b. jangkitan hendaklah dianggap telah berlaku jika darah atau ujian relevan yang lain menunjukkan, pada pendapat Kami, sama ada terdapat kewujudan apa-apa Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Antibodi kepada Virus itu.
- (vi) Apa-apa Kejadian Penyakit Kritikal didiagnosis akibat, secara langsung atau tidak langsung daripada, kecacatan atau penyakit kongenital, yang telah dikesan atau telah didiagnosis sebelum Hayat Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun.
- (vii) Apa-apa Kejadian Penyakit Kritikal yang disebabkan oleh kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri.
- (viii) Apa-apa Kejadian Penyakit Kritikal yang berpunca daripada perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang, dengan pengadilan kasar, pencerobohan atau tindakan musuh asing, perang saudara, revolusi, pemberontakan, kekecohan awam dengan mengambil kira pertimbangan, atau mencetuskan, kebangkitan terhadap kerajaan, rusuhan atau pemberontakan, mogok, atau tindakan pengganas.
- (ix) Apa-apa Kejadian Penyakit Kritikal yang berpunca secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- (x) Terlibat dalam perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anggota krew dalam pesawat komersial berlesen atau menyertai aktiviti berbahaya/sukan profesional.
- (xi) Hayat Diinsuranskan tidak dapat diselamatkan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas diagnosis apa-apa Kejadian Penyakit Kritikal.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah rider ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan rider saya?**

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat hubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda (termasuk maklumat penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Perubatan & Kesihatan'. Anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:  
**MCIS Insurance Berhad** No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Web : [www.mcis.my](http://www.mcis.my)

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**10. Apakah jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan lain yang disediakan?**

Sila rujuk kepada ejen sah kami untuk perlindungan serupa lain yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENYEMAK SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN KEHILANGAN UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KITA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada XXXX.

**SAMPLE**

Lampiran - MyEarly CriticalAid Rider 2 (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser)

Manfaat Penyakit Kritis Berperingkat

Kategori	Tahap Awal	Tahap Pertengahan	Tahap Akhir
AIDS	HIV Akibat daripada Pemindahan Organ	-	AIDS dengan Gejala Penuh
Penyakit Alzheimer / Gangguan Kerosotan Otak Organik Tidak Boleh Pulih	Penyakit Alzheimer Awal	Penyakit Alzheimer Sederhana Serius	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
Anemia Aplastik	Anemia Aplastik Boleh Pulih	Sindrom Mielodisplastik atau Mielofibrosis	Anemia Aplastik Kronik - Mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
Meningitis Bakteria	Meningitis Bakteria dengan Kemasukan Ke Hospital	-	Meningitis Bakteria - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
Pembedahan Otak	Pembedahan bagi Hematoma Subdura	Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	Pembedahan Otak
Tumor Otak	Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari	-	Tumor Otak Benign - Keterangan Tertentu
	Pembedahan pemotongan meningioma tulang belakang		
Buta	Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	Retinitis Pigmentosa	Buta - Kekal Dan Tidak Boleh Pulih
Kelecuran	Kelecuran Sederhana	-	Kelecuran Tahap Ketiga - Untuk Keparahan Tertentu
	Kelecuran Sederhana Teruk		
Kanser	Karsinoma in situ	Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang dirawat dengan Pembedahan Radikal	Kanser - Keterangan Tertentu Dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal
	Kanser Prostat Awal		
	Kanser Tiroid Awal		
	Kanser Pundi Awal		
	Leukemia Limfositik Kronik Awal		
Kardiomiopati	Kardiomiopati Hipertrofik	Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan	Kardiomiopati - Keterangan Tertentu
Koma	Koma selama 48 jam	Koma selama 72 jam	Koma - Mengakibatkan Defisit Neurologik Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan
	Sawan Teruk		
Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	Perikardektomi	Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
Pekak / Hilang Pendengaran	Kehilangan Sebahagian Pendengaran	Pembedahan Implan Koklear	Pekak - Kekal Dan Tidak Boleh Pulih
Ensefalitis	Ensefalitis dengan Kemasukan Ke Hospital	-	Ensefalitis - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
Hepatitis Virus Fulminan	Hepatitis B atau C yang Diperolehi Menerusi Pekerjaan	-	Hepatitis Virus Fulminan
Trauma Kepala	Pembedahan Pembentukan Semula Muka	Trauma Kepala Sederhana	Trauma Kepala Major (Teruk) - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
Serangan Jantung	Pemasukan Perentak Jantung	Serangan Jantung Kurang Teruk	Serangan Jantung - Keterangan Tertentu
	Pemasukan Defibrilator Jantung		
Pembedahan Injap Jantung	Valvuloplasti / Valvotomi Jantung Perkuteneus	Penggantian Injap Perkuteneus	Pembedahan Injap Jantung
HIV	HIV Dijangkiti Melalui Pekerjaan	-	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
Kegagalan Buah Pinggang	Pembuangan Satu Buah Pinggang Menerusi Pembedahan	Penyakit Buah Pinggang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang - Memerlukan Dialisis Atau Pemindahan Buah Pinggang
Penyakit Hati	Hepatektomi Separa	Sirosis Hati	Kegagalan Hati Tahap Akhir
	Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliar		
	Kolangitis Sklerosis Primer Kronik		
Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	-	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) Peringkat Awal	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
Hilang Keupayaan Bertutur	Hilang Keupayaan Bertutur (selain daripada kecederaan atau penyakit pada pita suara)	-	Hilang Keupayaan Bertutur

Lampiran - MyEarly CriticalAid Rider 2 (Dengan Manfaat Pemulihan Kanser)

**Manfaat Penyakit Kritis Berperingkat**

Kategori	Tahap Awal	Tahap Pertengahan	Tahap Akhir
Penyakit Paru-Paru	Asma Serius	Pembuangan Satu Paru-Paru Menerusi Pembedahan	Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
	Trakeostomi Kekal (atau Sementara)		
Penyakit Sistik Medular	Glomerulonefritis Kronik	-	Penyakit Sistik Medular
Penyakit Neuron Motor	Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal	-	Penyakit Neuron Motor - Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan
Sklerosis Multipel	Sklerosis Multipel Peringkat Awal	-	Sklerosis Multipel
Distrofi Otot	-	-	Distrofi Otot
Pemindahan Organ	Pemindahan Usus Kecil	Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)	Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang
	Pemindahan Kornea		
Penyakit Arteri Koronari Lain Yang Serius	Penyakit Arteri Koronari Awal	Penyakit Arteri Koronari Lain	Penyakit Arteri Koronari Serius
Kelumpuhan / Paralegia	Hilang Penggunaan Satu Anggota	Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan Saraf Tunjang Serviks akibat Kemalangan	Kelumpuhan Anggota
	Kecederaan Saraf Tunjang Serviks akibat Kemalangan		
Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Awal	Penyakit Parkinson Sederhana Serius	Penyakit Parkinson - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
Hipertensi Arteri Pulmonari	Hipertensi Pulmonari Awal	Hipertensi Pulmonari Sekunder	Hipertensi Pulmonari Primer - Keterukan Tertentu
	Pemasukan Penapis Vena Kava		
Strok /Angin Ahmar	Pembedahan Aneurisme Otak	Pembedahan Arteri Karotid	Strok / Angin Ahmar - Mengakibatkan Defisit Neurogikal Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan
	Pemasukan Pintasan Serebrum		
Pembedahan Aorta	Aneurisme Aorta Asimptomatik Besar atau Diseksi	Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta	Pembedahan Aorta
Penyakit Terminal (Membawa Maut)	-	-	Penyakit Terminal (Membawa Maut)

**Manfaat khas & Manfaat Opsyenal**

Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
Komplikasi Diabetes	Pembedahan untuk Retinopati Diabetes Jenis ke-2
	Amputasi Anggota Badan akibat Komplikasi Diabetes Jenis ke-2
	Nefropati Diabetes Serius mengakibatkan Kegagalan Buah Pinggang
Manfaat Pemulihan Kanser (Opsiensal)	Serupa dengan kategori Kanser di bawah Manfaat Penyakit Kritis Berperingkat